

27.9.2019

KENYATAAN MEDIA

oleh Dato' Ir. Jaseni Maidinsa,
Ketua Pegawai Eksekutif,
PBA Holdings Bhd (PBAHB) dan
Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn Bhd (PBAPP)

MENYEDIAKAN LATIHAN KOMPETENSI INDUSTRI AIR KEPADA BELIA LUAR BANDAR

- **PBAR tandatangani program perkongsian pintar ketiga dengan PERDA, untuk menyokong dan menawarkan latihan kecekapan teknikal kepada belia luar bandar di Pulau Pinang.**

PULAU PINANG, Jumaat, 27.9.2019: PBA Resources Sdn Bhd (PBAR) dan Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang (PERDA) menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) untuk sama-sama menyediakan program latihan kecekapan industri air kepada belia luar bandar di Pulau Pinang.

Program-program ini adalah program SKM (Sijil Kemahiran Malaysia) yang menawarkan 3 potensi berikut kepada semua lepasan sekolah:

1. Pensijilan kecekapan teknikal industri bekalan air yang diiktiraf oleh Kerajaan Malaysia;
2. Akses kepada pekerjaan teknikal yang ditawarkan oleh pengendali bekalan air lain di Malaysia; dan
3. Mendapatkan kerjaya jangka panjang dalam industri khidmat awam yang membekalkan sumber harian penting kepada 30.9 juta orang di Malaysia pada tahun 2018.

Dalam menghadapi permintaan air yang semakin meningkat dan perubahan iklim global, industri bekalan air Malaysia menjadi industri yang semakin penting, dan sudah tentu memerlukan lebih banyak tenaga kerja pada masa akan datang.



Walau bagaimanapun, Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) telah menetapkan petunjuk prestasi utama (KPI) untuk operator bekalan air agar semua kakitangan teknikal mereka memperolehi pensijilan kecekapan yang diiktiraf.

Sijil kecekapan teknikal minimum adalah pensijilan SKM, seperti pensijilan yang dikeluarkan oleh JPK selepas mengikuti latihan di Akademi Perkhidmatan Air Pulau Pinang (PWSA).

KOLABORASI PBAR-PERDA

PWSA diuruskan oleh PBAR, anak syarikat 100% milik PBA Holdings Bhd. PWSA membantu Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) di bawah Kementerian Sumber Manusia (KKM) untuk membangunkan piawaian kemahiran khusus dan kerangka pekerjaan bagi industri bekalan air SKM. Oleh itu, pensijilan JPK-SKM adalah pensijilan definitif yang diiktiraf oleh Kerajaan Persekutuan.

PERDA mengendalikan PERDA-TECH, institut latihan bertauliah JPK, yang terletak di Nibong Tebal, Seberang Prai Selatan. PERDA-TECH memberi tumpuan kepada menyediakan program latihan yang diiktiraf kepada belia luar bandar.

Di bawah memorandum persefahaman (MoU) yang ditandatangani hari ini, PBAR akan menyediakan:

- Program latihan SKM industri bekalan air kepada pelatih PERDA-TECH;
- Program latihan khusus dan pantas kepada pihak yang berkaitan melalui PERDA-TECH;
- Tenaga pengajar dan bahan-bahan latihan untuk semua program yang berkaitan dengan industri bekalan air di PERDA-TECH; dan
- Program pensijilan untuk staf akademik PERDA-TECH.

Di pihaknya, PERDA akan menguruskan kemudahan latihan, makanan dan minuman, pengangkutan, penginapan dan semua peraturan latihan yang berkaitan dengan penyediaan program berkaitan industri bekalan air.

MoU ini meliputi tempoh dua tahun, bermula 27.9.2019.

“PERKONGSIAN PINTAR” KETIGA PBAR

PBAPP komited sepenuhnya ke arah memupuk pertumbuhan tenaga kerja industri bekalan air yang kompeten daripada segi teknikal masa depan.

Sehingga kini, Kumpulan Syarikat PBA, melalui PBAR, telah mewujudkan tiga “perkongsian pintar” untuk menawarkan kursus latihan PWSA di seluruh Malaysia:

No.	Tarikh	“PERKONGSIAN PINTAR” PBAR
1	3.12.2018	Perjanjian Kerjasama dengan KYM STES Sdn Bhd, syarikat yang menguruskan Institut Air Malaysia (MWI) di Melaka. MWI bertindak sebagai kampus cawangan PWSA.
2	2.5.2019	Perjanjian Kerjasama dengan Malaysian Water Academy Sdn Bhd, syarikat yang menguruskan Akademi Air Malaysia (MyWA) di Kuala Lumpur. MyWA juga berfungsi sebagai kampus cawangan PWSA.
3	27.9.2019	MoU dengan PERDA, dengan PWSA bersetuju untuk melaksanakan program latihan kecekapan industri bekalan air di PERDA-TECH.

Kami akan terus berkongsi pengetahuan, pengalaman dan kepakaran kami untuk mengembangkan skop latihan kompetensi industri bekalan air di Malaysia. Kami memerlukan sekumpulan kakitangan industri air yang cekap aspek teknikal untuk berkhidmat kepada negara, kini dan pada masa hadapan.

Terima kasih.

Dikeluarkan oleh : Puan Syarifah Nasywa bt Syed Feisal Barakbah
Unit Komunikasi Korporat
Tel : 04-200 6607
Email : syarifah@pba.com.my





Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman di antara PERDA-TECH dan Industri

PBA Resources Sdn Bhd
UWC Holdings Sdn Bhd
World Evolution Brain (M) Sdn Bhd
Toko Hudaya
RWU Services Sdn Bhd

27 September 2019
27 Muharram 1441 Hijrah
Dewan Mutiara Wawasan



PERDA
Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang
No. 1, Lintang Komersial Tengah, 2, Jalan Komersial,
12000 Butterworth, Pulau Pinang

www.perda.gov.my

